

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG KAH WOH  
[ IPOH TIMUR ]**

**TARIKH : 9 DISEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN WONG KAH WOH [ IPOH TIMUR ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan menyenaraikan dengan terperinci kapasiti Klinik Kesihatan Station 18, Ipoh dan Klinik Ibu dan Anak Pengkalan Pegoh. Nyatakan sama ada Kementerian mempunyai rancangan untuk menaiktarafkan kedua-dua klinik tersebut memandangkan populasi kawasan setempat semakin bertambah.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Klinik Komuniti Station (KKom) 18 merupakan sebuah fasiliti yang beroperasi secara sewaan sejak ianya dibuka pada tahun 2012. Purata kedatangan sehari adalah sejumlah **145 orang bagi tahun 2019** dan antara fasiliti Klinik Komuniti berkedatangan tinggi di Negeri Perak.
  
2. Fasiliti ini menyediakan perkhidmatan **rawatan pesakit luar** termasuk **rawatan penyakit kronik** kepada penduduk di Pengkalan Pegoh dengan liputan populasi berjumlah **50,000 orang penduduk**. Manakala bagi perkhidmatan kesihatan ibu dan anak (MCH) disediakan oleh Klinik Kesihatan Ibu dan Anak (KKIA) Pengkalan Pegoh yang terletak 1.3 Km dari lokasi KKom Station 18 ini. Purata kedatangan bagi KKIA Pengkalan Pegoh adalah seramai **182 sehari pada tahun 2019.**

3. KKIA Pengkalan Pegoh beroperasi di rumah bidan lama bersaiz 214.7 meter persegi selepas naik taraf Klinik Desa kepada KKIA pada tahun 2012 manakala KKOM Station 18 beroperasi di 1 lot rumah kedai bersaiz 108 meter persegi.
4. Berdasarkan jumlah kedatangan harian KKOM Station 18 dan KKIA Pengkalan Pegoh yang tinggi dan melebihi kapasiti fizikal kedua-dua fasiliti tersebut, Kementerian telah mencadangkan kepada Jabatan Kesihatan Negeri Perak agar **mempertimbangkan perpindahan** serta **naik taraf kedua-dua fasiliti ini kepada Klinik Kesihatan pada 2019.**
5. KKM sedar akan jumlah kedatangan pesakit yang tinggi dan sedang berusaha untuk mendapatkan **lot rumah kedai bersetujuan** untuk menampung kedatangan Pesakit Luar dan Kesihatan Ibu dan Anak yang hampir mencecah 300 kedadangan sehari. Perkhidmatan kesihatan di KKIA Pegoh dan Klinik Komuniti Station 18 dirancang untuk **disatukan untuk menjadi satu Klinik Kesihatan** dalam usaha untuk menyampaikan satu perkhidmatan yang komprehensif di bawah satu bumbung kepada penduduk di kawasan tersebut.

Sekian, terima kasih.